



SIARAN AKHBAR

S.A. 2021/12/144 (HQ)

TNB BEKERJASAMA DENGAN JAS UNTUK KENALPASTI PUNCA PENCEMARAN DI DUA SUNGAI DI PULAU PINANG

- TNB patuhi arahan MBPP untuk henti sementara kerja penanaman kabel

Siaran akhbar Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) bertarikh 14 Disember 2021 yang mendakwa pencemaran di Sungai Jelutong dan Sungai Pinang disebabkan oleh kerja-kerja penanaman kabel bawah tanah secara *Horizontal Direct Drilling* (HDD) kontraktor TNB, dirujuk.

TNB sedang memberikan kerjasama kepada Jabatan Alam Sekitar (JAS) yang sedang membuat siasatan terperinci atas punca sebenar pencemaran di kedua-dua sungai tersebut, kata Ketua Pegawai Grid TNB, Datuk Ir Husaini Husin.

“Untuk makluman, laluan kerja-kerja HDD berkenaan dibuat berdasarkan pemetaan bagi mengelakkan sebarang gangguan pada laluan infrastruktur utiliti lain.”

Jelasnya semakan awal TNB berikutan dakwaan pencemaran pula mendapati kerja-kerja HDD oleh kontraktor dilantik terletak berjauhan daripada kedua-dua sungai manakala sisa buangan kerja-kerja pengorekan dilupuskan di kawasan berjauhan dari tapak projek.

Kerja-kerja penanaman kabel ini dilaksanakan untuk penyambungan bekalan pada voltan 132kV ke Pencawang Masuk Utama Datuk Keramat yang sedang dalam pembinaan. Ia dijadualkan siap pada Jun 2022.

Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 15 Disember 2021, jam 5:00 petang

*Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Norfadzilah Sha'ary 019-3369681 /
Grace Tan 016-6626229 / Fazreen Eksan 019-3160401
atau emel kami: media@tnb.com.my*